

**WEBINAR HASIL PERAK – KOME BUNTU, TEMAN BANTU
SIRI 8/2023
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0
14 DISEMBER 2023**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Adakah saya akan diaudit/ disiasat selepas membuat pengakuan sukarela dalam PKPS 2.0?	<p>Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran dimana pengakuan sukarela dibuat. Walaubagaimanapun, tindakan audit / siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat bagi keadaan berikut:</p> <p>a. Jika pengakuan sukarela yang dibuat hanya melibatkan isu bukan harga pindahan dan didapati wujud risiko harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil ke atas isu harga pindahan tersebut dan sekiranya pengakuan sukarela dibuat hanya melibatkan isu harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil keatas isu selain harga pindahan.</p> <p>b. Bayaran cukai atas pengakuan sukarela gagal dibuat dalam tempoh masa yangditetapkan</p>
2	Sekiranya saya menyertai PKPS 2.0 ini,adakah saya akan di audit?	<p>Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran dimana pengakuan sukarela dibuat. Walaubagaimanapun, tindakan audit / siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat bagi keadaan berikut:</p> <p>a. Jika pengakuan sukarela yang dibuat hanya melibatkan isu bukan harga pindahan dan didapati wujud risiko harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil ke atas isu harga pindahan tersebut dan sekiranya pengakuan sukarela dibuat hanya melibatkan isu harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil keatas isu selain harga pindahan.</p> <p>b. Bayaran cukai atas pengakuan sukarela gagal dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan</p>

3	Salam Sejahtera Tuan, sila maklumkan prosedur permohonan di PKPS 2.0 Terima kasih.	<p>Pengakuan sukarela hendaklah dibuat melalui kaedah berikut:</p> <p>a. Bagi pembayar cukai baharu, BNCP / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual.</p>
4	Jika existing tax payer nak join SVDP 2.0 untuk submit borang B 2021, step submit borang b saman dengan biasa login mytax e-filing borang b?	<p>b. Bagi pembayar cukai sedia ada:</p> <p>i. Tidak mengemukakan BNCP / BNCKHT. BNCP / BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual.</p> <p>ii. Telah mengemukakan BNCP namun terdapat pendapatan yang tidak dilaporkan.</p> <p>Pengakuan sukarela perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM https://www.hasil.gov.my / MyTax dengan menggunakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p> <p>c. Bagi pengakuan sukarela yang melibatkan isu harga pindahan, Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM. Borang yang telah lengkap diisi berserta lampiran perlu dikemukakan kepada Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran.</p> <p>d. Bagi pembayar duti, dokumen / perjanjian perlu dikemukakan melalui Stamp Assessment And Payment System (STAMPS) untuk proses penyyetaman.</p>
5	Saya tak dapat jawapan daripada pegawai sudah satu bulan, perlukan saya hantar lagi sekali? Siapakah saya boleh contact? Saya pun tidak tahu sama ada kurang hantar dokumen atau pegawai belum proses	<p>Tuan / puan boleh hubungi pegawai LHDNM di mana-mana LHDNM Negeri / Cawangan Khas. Selain itu, pembayar cukai juga boleh menghubungi:</p> <p>a. HASiL Live Chat;</p> <p>b. Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara); atau</p>

		c. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.
6	Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya mempunyai pertanyaan berkaitan PKPS2.0?	Pembayar cukai boleh hubungi pegawai LHDNM di mana-mana LHDNM Negeri / Cawangan Khas. Selain itu, pembayar cukai juga boleh menghubungi:
7	Apa yang boleh dilakukan atau dimana boleh membuat rujukan jika kes SVDP yang telah dihantar melebihi 14 hari dan tiada maklum balas?	a. HASiL Live Chat; b. Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara); atau
8	Selepas membuat pengakuan sukarela dalam talian, ada kes yang tidak dapat maklum balas sehingga sekarang daripada pihak LHDNM	c. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran
9	Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya mempunyai pertanyaan berkaitan PKPS2.0?	
10	Saya dah hantar PKPS 2.0 melalui mytax . Tapi masih tidak dapat jawapan dari pihak LHDN . Bagaimana saya ingin menghubungi pihak LHDN ? Perlu pergi cawangan ke mcm mana ?	
11	Tuan/Puan, Sila balik kepada muka surat yang ada 14 hari dan 30 hari. Saya tak sempat snap photo. Terima kasih.	Tuan/Puan, slide boleh dimuat turun seperti link berikut: https://www.hasil.gov.my/media/0pqlcdnp/bm-full-version-program-khas-pengakuan-sukarela-20-23082023.pdf
12	Adakah LHDNM akan mengeluarkan surat PKPS 2.0 atas pengakuan sukarela yang dibuat melalui pengemukaan BNCP / BNCKHT secara e-filing?	LHDNM akan mengeluarkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 kepada pembayar cukai yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah PKPS 2.0. Bagi pembayar cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang mengendalikan fai atau hadir ke Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.

13	Company status was dormant and changed to active after TP adjustment. So this company is eligible to join SVDP 2.0?	Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 memberikan peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta menggalakkan pembayar cukai membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan.
14	Syarikat tidak declare cukai untuk TT 2021, 2020, 2019. Saya belum menerima apa-apa surat tentang TT tersebut. Bolehkah saya menyertai PKPS? Adakah kami akan diaudit?	Antara syarat yang melayakkan tuan/puan menyertai Program Pengakuan Sukarela 2.0 ialah sekiranya pengakuan tersebut menyebabkan adanya taksiran atau taksiran tambahan. Ini bermakna program pengakuan sukarela hanya boleh disertai sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pendapatan kurang lapor atau belum lapor.
15	Backlog case, gagal kemukan form c since 2017 for a dormant company, no tax payable. Can join this PKPS2. 0?	
16	Jika syarikat tidak melapor kpd LHDN selama 6 tahun dari tahun 2018.syarikat tidak aktif sebelum ini. Perlu submit ke	Pembayar cukai perlu mengemukakan borang nyata secara elektronik (E-filing) walaupun begitu pembayar cukai adalah tidak layak menyertai Program Pengakuan Sukarela 2.0 sekiranya tiada cukai dikenakan.
17	Apakah yang dimaksudkan dengan pembayar cukai baharu?	<p>Pembayar cukai baharu yang dimaksudkan dibawah PKPS 2.0 ini adalah seperti berikut:</p> <p>a. Pembayar cukai yang masih belum atau telah mempunyai Nombor PengenalanCukai (TIN);</p> <p>b. Pembayar cukai yang tidak mempunyai sebarang transaksi percukaian dalam rekod LHDNM (pembayar cukai dianggap mempunyai transaksi percukaian sekiranya taksiran anggaran telah dibangkitkan / telah membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) dimana pembayar cukai dianggap telah membuat pilihan untuk tidak memfailkan BNCP dan potongan PCB dianggap cukai muktamad); dan / atau</p> <p>c. Pembayar cukai yang pertama kali melaporkan pendapatan kepada LHDNM.</p>
18	Jika taxpayer menyertai PKPS 2.0, Form J yg diterima boleh diabaikan?	Pembayar cukai layak menyertai PKPS 2.0 sekiranya terdapat pelaporan tambahan cukai dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan yang dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0. Sekiranya sebarang taksiran anggaran telahpun

		dibangkitkan, penalti yang telah dikenakan adalah dikekalkan.
19	Jika LHDN sudah keluar surat minta tax payer submit borang b untuk 2020 and 2021, bolehkah tax payer ini menyertai SVDP 2?	<p>Pembayar cukai tidak layak untuk menyertai PKPS 2.0 ini bagi mana-mana Tahun Taksiran (TT) yang mana tindakan audit / siasatan telah bermula. Maksud bagi tindakan audit bermula adalah seperti yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuat kuasa.</p> <p>Walaubagaimanapun, bagi kes yang mana taksiran anggaran telah dibangkitkan:</p> <p>1) Sekiranya pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang dilaporkan dalam BNCP / BNCKHT dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela;</p> <p>2) Sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, prosedur rayuan sepertimana yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 7/2020 (Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif) adalah terpakai.</p>
20	Apa yang boleh dilakukan atau dimana boleh membuat rujukan jika kes SVDP yang telah dihantar melebihi 14 hari dan tiada maklum balas?	<p>Bagi pembayar cukai / ejen cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang mengendalikan fail tersebut atau hadir ke Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.</p>
21	Di mana saya boleh semak status PKPS 2.0 lepas hantar borang PKPS	
22	Selepas membuat pengakuan sukarela dalam talian, ada kes yang tidak dapat maklum balas sehingga sekarang daripada pihak LHDNM	
23	Saya pernah hantar PKPS 2.0 borang, tetapi sudah 1 bulan, belum dapat apa apa jawapan	

24	Saya dah hantar PKPS 2.0 melalui mytax . Tapi masih tidak dapat jawapan dari pihak LHDN. Bagaimana saya ingin menghubungi pihak LHDN ? Perlu pergi cawangan ke mcm mana ?	
25	LHDN keluar satu surat minta tax payer mengemukakan borang b, ini pun stated diaudit?Pun tak boleh join SVDP 2?	Pembayar cukai boleh menyertai PKPS 2.0 sekiranya tindakan audit belum bermula. Maksud audit bermula boleh dirujuk didalam Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuatkuasa. Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi mengetahui status tindakan audit.
26	<p>Jika syarikat yang sedia ada menerima notis taksiran (Form J), adakah syarikat ini layak join PKPS 2.0 ini. Adakah just submit form c macam biasa dalam e-filing atau kena isi borang tertentu? Mohon bantu.</p> <p>Syarikat submit borang c & cukai kne bayar lebih dr form J. Adakah boleh join PKPS 2.0. Apa confirmation letter @ form dr LHDN yg mengatakan syarikat ni boleh join PKPS 2.0.</p>	<p>Bagi kes yang dimana borang nyata belum dikemukakan dan taksiran anggaran telah dibangkitkan:</p> <p>1) Bagi pembayar cukai yang belum mengemukakan BNCP / BNCKHT, pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP / BNCKHT melalui e-Filing / e-CKHT / secara manual bagi menyertai PKPS 2.0. sekiranya pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang dilaporkan dalam BNCP / BNCKHT dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela.</p>
27	Adakah ini bermakna tax payer tersebut akan dikenakan double taksiran jika form J dikeluarkan? Apa yg terjadi bila form J dikeluarkan lagi besar dari taksiran yang sepatutnya?	Walaubagaimanapun sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, prosedur rayuan sepertimana yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 7/2020 (Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif) adalah terpakai.
28	Sekiranya LHDN sudah keluarkan taksiran dibawah seksyen 90(3) atau seksyen 107C(10)/(10A) masih bolehkan sy apply PKPS 2.0?	
29	Jika saya tidak menghantar borang B tahun 2017 dan 2018, LHDN telah keluarkan anggaran cukai dan ia lebih tinggi dari yang sepatutnya, adakah saya boleh terus hantar borang 2019?	

30	Jika syarikat menerima Borang J di bawah Seksyen 90,tahun 2020 daripada LHDN kerana ia gagal menghantar Borang C 2020 kpd LHDN pada masanya, adakah syarikat ini layak untuk menyertai program PKPS?	
31	Kalau LHDN sedang membuat audit file pembayar cukai, bolehkah buat PKPS 2.0?	
32	RPGT file - if a taxpayer has filed RPGT return and paid tax and after few years the realized a mistake in the return filed, can the taxpayer participate in SVDP 2.0 to declare the additional income	Tidak boleh. Sekiranya tindakan audit telah bermula, pembayar cukai tidak layak untuk menyertai PKPS 2.0 ini.
33	Bagi borang tahun taksiran kebelakang yang yang tidak dihantar, dan semasa mengira cukai, didapati tiada cukai perlu dibayar, bolehkah saya menyertai PKPS 2.0, adakah compound lewat hantar borang ?	<p>PKPS 2.0 bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) hanya layak bagi pelaporan pelupusan melibatkan BNCKHT yang tidak dikemukakan bagi mana-mana tahun taksiran dimana pelaporan pelupusan aset masih belum dibuat.</p> <p>Sekiranya terdapat kesilapan bagi BNCKHT yang telah dikemukakan sebelum ini, pembayar cukai boleh mengemukakan pelaporan tambahan tersebut ke LHDNM dan kadar penalti adalah berdasarkan arahan yang berkuat kuasa.</p>
34	Sekiranya pembayar cukai baru telah mengemukakan BN 2022, bolehkah membuat pengakuan sehingga PKPS sehingga 2022	<p>PKPS 2.0 ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.</p> <p>Antara syarat yang melayakkan tuan/puan menyertai Program Pengakuan Sukarela 2.0 ialah sekiranya pengakuan tersebut menyebabkan adanya taksiran atau taksiran tambahan. Ini bermakna program pengakuan sukarela hanya boleh disertai sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang cukai kurang lapor atau belum lapor.</p>

35	Bagaimana pembayar cukai dapat tahu jika tindakan audit telah dimulakan atau tidak?	<p>Pengakuan sukarela boleh dibuat mengikut pembayar cukai yang layak dan tahun taksiran terlibat adalah seperti berikut:</p> <p>a. Bagi pembayar cukai baharu, pelaporan pendapatan adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.</p> <p>b. Bagi pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM, tahun taksiran yang terlibat adalah tahun taksiran 2021 dan ke belakang.</p> <p>c. Bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), pelaporan pelupusan aset adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.</p>
36	Perniagaan enterprise tidak pernah declare cukai, berapa jumlah bayaran yang akan dikenakan ?	<p>Pembayar cukai boleh hubungi pegawai LHDNM di mana-mana LHDNM Negeri / Cawangan Khas. Selain itu, pembayar cukai juga boleh menghubungi:</p> <p>a. HASiL Live Chat;</p> <p>b. Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara); atau</p> <p>c. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran</p>
37	Jika individu terkurang lapor pendapatan bg beberapa tahun kebelakang adakah perlu isi borang B / BE bg tahun tersebut? Atau perlu isi borang kurang lapor?	<p>Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 memberikan peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta menggalakkan pembayar cukai membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Pengakuan sukarela boleh dibuat pada bila-bila masa mulai 06 Jun 2023 sehingga 31 Mei 2024</p> <p>Pembayar cukai boleh hubungi pegawai LHDNM di mana-mana LHDNM Negeri / Cawangan Khas bagi sebarang pertanyaan lanjut. Selain itu, pembayar cukai juga boleh menghubungi:</p> <p>a. HASiL Live Chat;</p>

		<p>b. Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara); atau</p> <p>c. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran</p>
38	Dimana boleh dapatkan prosedur untuk permohonan PKPS 2.0?	<p>Pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan tetapi mempunyai pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan. Sila kemukakan pengakuan sukarela Tuan dengan melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi LHDNM (https://www.hasil.gov.my/program-khaspengakuan-sukarela-20/) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
39	Adakah LHDN akan keluar satu surat yang berjaya menyertai SVDP 2?	<p>https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/</p>
40	<p>Jika taxpayer menyertai PKPS 2.0, Form J yg diterima boleh diabaikan?</p> <p>Notis J 90(3) – Taksiran anggaran</p>	<p>Surat PKPS 2.0 akan dikeluarkan bersama-sama notis taksiran / taksiran tambahan bagi pengakuan sukarela yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.</p>
41	Sekiranya menyertai PKPS adakah kemungkinan penyertaan akan ditolak ?	<p>Bagi kes yang mana taksiran anggaran telah dibangkitkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Sekiranya pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang dilaporkan dalam BNCP / BNCKHT dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela;
42	<p>Jika gagal kemukakan borang nyata cukai bagi tahun taksiran 2020 2021 dan 2022 adakah layak menyertai program PKPS 2.0 - untuk pembayaran sedia ada</p>	<p>PKPS 2.0 ini tidak terpakai kepada pengakuan sukarela yang melibatkan kes:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Tindakan audit ke atas pembayar cukai telah bermula bagi tahun-tahun taksiran yang terlibat; 2) Tidak kena cukai, taksiran kurangan atau cukai kena dibayar balik (repayment) kecuali bagi kes harga pindahan; atau

		<p>3) Tindakan siasatan telah dimulakan atau prosiding pendakwaan susulan daripada siasatan telah difailkan di mahkamah berdasarkan peruntukan di bawah ACP 1967, ACKHT 1976, AS 1949 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001</p>
43	<p>Utk pembayar cukai baharu yg join PKPS 2.0, perlu tak sertakan resit-resit berkaitan, jika tiada bagaimana?</p>	<p>Pembayar cukai sedia ada boleh menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 bagi tahun taksiran 2021 dan kebelakang</p> <p>PKPS 2.0 ini tidak terpakai kepada pengakuan sukarela yang melibatkan kes:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Tindakan audit ke atas pembayar cukai telah bermula bagi tahun-tahun taksiran yang terlibat; 2) Tidak kena cukai, taksiran kurangan atau cukai kena dibayar balik (repayment) kecuali bagi kes harga pindahan; atau 3) Tindakan siasatan telah dimulakan atau prosiding pendakwaan susulan daripada siasatan telah difailkan di mahkamah berdasarkan peruntukan di bawah ACP 1967, ACKHT 1976, AS 1949 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001
44	<p>Jika dah sertai PKPS 2.0 tetapi pembayar cukai tak habis bayar cukai ikut ansuran sehingga 31/5/24. berapakah penalti yang akan dikenakan selepas itu?</p>	<p>Tiada dokumen sokongan diperlukan LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh PKPS 2.0 dengan suci hati. Walau bagaimanapun, semakan pengiraan cukai (mathematical / calculation error) akan dilakukan bagi memastikan ketepatan pengakuan sukarela yang dikemukakan</p>
45	<p>Sekiranya syarikat telah diminta untuk kemukakan borang E, adakah layak untuk PKPS 2.0</p>	<p>Permohonan lanjutan bayaran ansuran boleh dipertimbangkan tertakluk kepada semakan dan pertimbangan pemberian ansuran dengan syarat pembayar cukai memberikan dokumen sokongan. Tempoh ansuran bergantung kepada merit permohonan.</p> <p>Permohonan perlu disertakan dokumen sokongan seperti berikut:</p>

		<p>i. Penyata bank bagi tempoh tiga (3) bulan terkini;</p> <p>ii. Analisis aliran tunai bagi tempoh 12 bulan akan datang termasuk bulan semasa; dan</p> <p>iii. Butiran harta terkini.</p> <p>Kenaikan dibawah Seksyen 103 Akta Cukai Pendapatan 1967 akan dikenakan sekiranya terdapat kegagalan dalam mematuhi jadual ansuran.</p> <p>Sekiranya tunggakan cukai masih tidak dibayar, tindakan undang-undang boleh diambil dan pembayar cukai boleh diaudit / disiasat di masa hadapan bagi tahun taksiran pengakuan sukarela dibuat.</p>
46	Utk tahun 2018 dan 2019 yg tiada pendapatan perlu submit juga ke? Atau sy boleh submit PKPS 2020 dan 2021 saja?	PKPS 2.0 ini ditawarkan kepada semua kategori pembayar cukai kecuali kategori fail majikan.
47	Sekiranya mengikut keadaan di atas dan pembayar cukai hanya menyertai PKPS utk tahun 2018 - 2022, dan tidak menyatakan pendapatannya dr tahun 2012-2017, maksudnya dia masih boleh dikenakan tindakan undang2 jika dia diaudit utk tahun 2012-2017 tersebut. Betul?	<p>Pembayar cukai hendaklah mengemukakan borang nyata mengikut keperluan undang undang yang berkuatkuasa. Pembayar cukai perlu mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan secara elektronik (E-filing) Walaupun begitu pembayar cukai adalah tidak layak menyertai Program Pengakuan Sukarela 2.0 sekiranya tiada cukai yang dikenakan.</p> <p>PKPS 2.0 bagi tahun taksiran 2020 dan 2021 boleh disertai sekiranya terdapat taksiran atau taksiran tambahan bagi tahun tersebut.</p>
48	Syarikat tidak pernah ada rekod perakaunan. Tidak ada bukti resit pembelian sejak ditubuhkan. Bagaimanakah hendak melaporkan pendapatan?	<p>Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran dimana pengakuan sukarela dibuat. Walaubagaimanapun, tindakan audit / siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat bagi keadaan berikut:</p> <p>a. Jika pengakuan sukarela yang dibuat hanya melibatkan isu bukan harga pindahan dan didapati wujud risiko harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil ke atas isu harga pindahan tersebut dan sekiranya pengakuan sukarela dibuat</p>

		<p>hanya melibatkan isu harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil keatas isu selain harga pindahan.</p> <p>b. Bayaran cukai atas pengakuan sukarela gagal dibuat dalam tempoh masa yang di tetapkan</p>
49	Salam. Sekiranya bg pembayar cukai baru, tapi dia sudah mempunyai pendapatan selama 10 tahun, adakah dia perlu kemukakan penyata bg kesemua sepuluh tahun tersebut? Atau tahun 2022 shj?	Pembayar cukai boleh menggunakan <i>Management Account</i> , untuk melaporkan pendapatan jika selepas <i>Management Account</i> diaudit dan didapati terdapat perbezaan, pembayar cukai hendaklah membuat pindaan yang sewajarnya dan kadar penalti di bawah PKPS 2.0 adalah masih terpakai
50	PKPS 2.0 adalah dari tahun ?	Pembayar cukai boleh mengambil peluang untuk menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 untuk melaporkan pendapatan-pendapatan yang tidak pernah dilaporkan sebelum ini sekiranya memenuhi syarat-syarat penyertaan PKPS 2.0
51	Jika selepas streaming ini saya nak tanya soalan tentang SVDP 2. 0 manakah yang saya boleh tanya?	<p>Pengakuan sukarela boleh dibuat mengikut pembayar cukai yang layak dan tahun taksiran / tempoh penyempurnaan perjanjian dan penyeteman terlibat adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai baharu bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang. 2) Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai sedia ada bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang. 3) Pelaporan pelupusan aset bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang. 4) Penyeteman dokumen / perjanjian bagi perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.
52	Dimanakah kita dapat link borang borang ini.	Pembayar cukai boleh menghubungi: <ol style="list-style-type: none"> a. HASiL Live Chat; b. Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara); atau c. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.

		Pembayar cukai juga boleh mendapatkan maklumat berhubung PKPS 2.0 melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM / MyTax.
53	Sekiranya Ada kesilapan dalam borang e-majikan sebelum ini, bolehkah sertai program ni?	https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/
54	Apakah yang dimaksudkan dengan 0% penalti	<p>Penalti 0% yang dimaksudkan adalah bagi penalti pendapatan kurang lapor dan penalti lewat kemukakan BNCP.</p> <p>Untuk makluman, Penalti Subseksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu penalti pendapatan kurang lapor boleh dikenakan pada kadar maksima iaitu 100%. Walaubagaimanapun, berdasarkan arahan terkini kadar penalti berkenaan adalah 15%-45%</p> <p>Manakala bagi penalti lewat kemuka BNCP di mana kesalahan di bawah Subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967, kadar penalti boleh dikenakan sehingga tiga kali cukai. Walaubagaimanapun, berdasarkan arahan terkini kadar yang dikenakan ialah 15%-45%.</p> <p>Melalui PKPS 2.0 ini, kadar penalti bagi kesalahan pendapatan kurang lapor dan lewat kemukan BNCP ialah 0%.</p>
55	Sekiranya syarikat belum buat audit lagi dan belum filing form C lagi. Boleh ke syarikat join PKPS 2.0 nie dengan menggunakan akaun sahaja terlebih dahulu?	<p>Pembayar cukai boleh menyertai PKPS 2.0 dengan menggunakan Management Account</p> <p>Walau bagaimanapun, jika selepas Management Account diaudit dan didapati terdapat perbezaan, pembayar cukai hendaklah membuat pindaan yang sewajarnya dan kadar penalti di bawah PKPS 2.0 adalah masih terpakai.</p>
56	Kesilapan e filling boleh ke sertai PKPS	Sekiranya pembetulan ke atas kesilapan tersebut menyebabkan wujudnya taksiran atau taksiran tambahan, pembayar cukai boleh menyertai PKPS 2.0.

57	If I didn't participate in SVDP 2.0 however I have submitted a letter for additional income, under a special case, may I be eligible to apply for the instalment scheme, where no supporting docs needed	Permohonan ansuran tanpa sebarang pengemukakan dokumen tambahan hanya terpakai kepada pembayar cukai yang menyertai PKPS 2.0 dan jadual ansuran tidak melangkaui tempoh 31 Mei 2024
58	Adakah Cukai Pedagangan bagi syarikat boleh dibuat di PKPS2?	Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS 2.0) terbuka kepada semua kategori pembayar cukai kecuali fail majikan.
59	Bagi Individual Form B / BE - kena lampirkan pengiraan cukai?	Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.
60	Can a taxpayer participate in SVDP 2.0 for a YA that was audited in the past?	Sekiranya pembayar cukai pernah diaudit bagi tahun taksiran tersebut dan tindakan audit telah pun selesai, pembayar cukai layak untuk menyertai PKPS 2.0
61	Bagaimana pembayar cukai 2020 niaga tutup tak lapor and tahun 2021,2022 balik sebagai pekerja lapor	Antara syarat yang melayakkan tuan/puan menyertai Program Pengakuan Sukarela 2.0 ialah sekiranya pengakuan tersebut menyebabkan adanya taksiran atau taksiran tambahan. Ini bermakna program pengakuan sukarela hanya boleh disertai sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang cukai kurang lapor atau belum lapor. Walaupun bagaimanapun, sekiranya tuan/puan tidak mempunyai sebarang pendapatan tetapi ingin mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan, tuan/puan masih boleh berbuat demikian dengan pengemukakan borang secara elektronik (E-filing) namun Program Pengakuan Sukarela 2.0 adalah tidak terpakai.
62	Semakan audit cukai telah diselesaikan dan taksiran telah dibangkitkan TT2018-2021 Julai 2023. Adakah PC masih boleh buat VD TT 2018-2021 (ada tambahan cukai) selepas Julai tahun 2023?	Sekiranya pembayar cukai pernah diaudit bagi tahun taksiran tersebut dan tindakan audit telah pun selesai, pembayar cukai layak untuk menyertai PKPS 2.0
63	Setiap tahun ada submit borang B,tapi ada investment di luar negara belum lapor. Itu boleh menyertai PKPS 20?	Pembayar cukai boleh menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 sekiranya terdapat taksiran/taksiran tambahan

64	Bagi pembayar cukai baharu, tidak pernah menghantar borang cukai dari tarikh pendaftaran syarikat. Adakah masih perlu menghantar borang cukai, dan dari tarikh syarikat dibuka?	Pembayar cukai perlu mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan mulai tahun taksiran perniagaan mula beroperasi
65	Sekiranya borang J anggaran cukai yang dinaikan adalah lebih daripada amaun cukai yang dihantar yang lewat dari tempoh yang sepatutnya, bolehkah pembayar cukai masih layak untuk sertai SVDP2.0?	<p>Bagi kes yang mana taksiran anggaran telah dibangkitkan:</p> <p>1) Sekiranya pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang dilaporkan dalam BNCP / BNCKHT dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela;</p> <p>2) Sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, prosedur rayuan sepertimana yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 7/2020 (Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif) adalah terpakai</p>
66	Tidak pernah declare selama perniagaan dibuka, dokumen bagaimana yang perlu disediakan ?	BNCP / BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 dengan melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai / pelupusan aset yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa / sama ada secara e- Filing / e-CKHT atau BNCP / BNCKHT manual.
67	Bagi kes PCB cukai muktamad dan PC submit form BE, di mana cukai dikenakan lebih rendah drpd PCBCM. Adakah PC layak PKPS dan layak utk refund?	Bagi kes PCB Cukai Muktamad dan pembayar cukai mengemukakan BNCP, pembayar cukai adalah layak menyertai PKPS 2.0 sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan terdapat taksiran dibangkitkan ke atas pembayar cukai.
68	Jika PC telah menerima Notis JA dan telah membuat byrn dlm tempoh yg ditetapkan, tetapi TIDAK menerima surat penyelesaian PKPS 2.0. Bagaimana PC perlu memohon utk mendptkn surat penyelesaian PKPS 2.0?	Bagi pembayar cukai / ejen cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk mendapatkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0.
69	Assalam dan slm shajtwra tuan. Berkenaan tin. Beliau diminta untuk mendaftar di tin utk semakan di LHDN. Tetapi telah 2 kali mendaftar dan masih tidak didaftar tin. Terakhir update 2014 mohon panduan	Sekiranya belum mempunyai TIN, pendaftaran TIN boleh dilakukan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Daftar di Portal MyTax atau di mana-mana kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.

70	Ada kes yang yang dilaporkan melalui BNCP, taksiran dibangkitkan tanpa surat penyelesaian SVDP. Kami tidak dapat menghubungi pegawai yang berkenaan	<p>Pembayar cukai boleh hubungi pegawai LHDNM di mana-mana LHDNM Negeri / Cawangan Khas. Selain itu, pembayar cukai juga boleh menghubungi:</p> <p>a. HASiL Live Chat;</p> <p>b. Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara); atau</p> <p>c. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran</p>
71	Bagaimana peniaga kecil nak sertai kerana tiada pengetahuan mengenai cukai sebelum ini. Apa perlu dilakukan ?	<p>Sekiranya belum mempunyai TIN (Tax Identification Number), pendaftaran TIN boleh dilakukan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Daftar di Portal MyTax atau di mana-mana kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.</p> <p>BNCP perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 dengan melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai/ pelupusan aset yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa /, sama ada secara e-Filing atau BNCP manual.</p>
72	Tuan, sekiranya sebuah syarikat (Sdn. Bhd.) Tidak pernah mengemukakan Form C sejak incorporation, adakah ia layak program khas Pengakuan Sukarela 2.0 sehingga Tahun Taksiran 2022 ?	Ya, syarikat layak menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 jika terdapat sebarang pendapatan yang dikenakan cukai.
73	Tahun 2009 last kena pcb. Lepas tu jadi agent dapat commission je. Tak pernah declare. LHDN pernah bagi angaran cukai perlu dibayar 2015, 2017 dan 2018. Tapi Belum bayar lagi. How to go about it.	<p>Tuan perlu mengemukakan BNCP memandangkan tuan masih mempunyai pendapatan. Bagi penerimaan pendapatan komisen, tuan boleh mengemukakan borang B kepada pihak LHDNM.</p> <p>Manakala bagi kes yang mana taksiran anggaran telah dibangkitkan:</p> <p>1) Sekiranya pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang dilaporkan dalam BNCP / BNCKHT dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela;</p> <p>2) Sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, prosedur rayuan sepertimana yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 7/2020 (Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif) adalah terpakai.</p>

74	Berapa kah kadar percent bayaran yang akan dikenakan untuk perniagaan enterprise ?	<p>Bagi jenis perniagaan enterprise, pemilik perniagaan perlu melaporkan pendapatan melalui borang B (perseorangan yang menjalankan perniagaan)</p> <p>Kadar cukai berdasarkan tahun taksiran boleh dirujuk di laman web https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/lapor-pendapatan/kadarcukai</p>
75	Syarikat yang menerima Borang J dibawah Seksyen 90(3) masih layak menyertai PKPS 2.0?	<p>Sekiranya sebarang taksiran anggaran dibawah Subseksyen 90(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah pun dibangkitkan, penalti yang telah dikenakan adalah dikekalkan.</p> <p>Bagi kes yang mana taksiran anggaran telah dibangkitkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Sekiranya pendapatan / keuntungan pelupusan aset yang dilaporkan dalam BNCP / BNCKHT dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela; <p>Sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, prosedur rayuan sepertimana yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 7/2020 (Rayuan Terhadap Sesuatu Taksiran dan Permohonan Relif) adalah terpakai.</p>
76	Adakah pembayar cukai baharu dikira menyertai PKPS 2.0 apabila telah submit borang nyata cukai secara online atau perlu mengisi apa2 borang bagi pembayar cukai baharu?	<p>BNCP / BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 dengan melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai / pelupusan aset yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa / sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau BNCP / BNCKHT manual</p> <p>Bagi pembayar cukai baharu, BNCP / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual.</p>
77	Adakah keuntungan dividen dr koperasi dikenakan cukai?	Pendapatan dividen dari koperasi adalah dikecualikan daripada cukai

78	May I know under which source of income in the form does the taxpayer need to declare the additional income arising from real property disposal.	Bagi pendapatan yang diterima dari pelupusan asset Hartanah, pembayar cukai boleh mengemukakan borang CKHT 1A bagi pelupus (Real Property Gain Tax)
79	Jika saya telah membuat bayaran anggaran cukai 2017 dan 2018, adakah ia dikira saya telah setuju? Dan boleh menyertai PKPS 2.0 untuk tahun 2019 hingga 2021?	<p>Pengakuan sukarela hendaklah dibuat melalui kaedah berikut:</p> <p>a. Bagi pembayar cukai baharu, BNCP / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual.</p> <p>b. Bagi pembayar cukai sedia ada:</p> <p>i. Tidak mengemukakan BNCP / BNCKHT. BNCP / BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual.</p> <p>ii. Telah mengemukakan BNCP namun terdapat pendapatan yang tidak dilaporkan.</p> <p>Pengakuan sukarela perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM https://www.hasil.gov.my / MyTax dengan menggunakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p> <p>c. Bagi pengakuan sukarela yang melibatkan isu harga pindahan, Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM. Borang yang telah lengkap diisi berserta lampiran perlu dikemukakan kepada Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran.</p> <p>d. Bagi pembayar duti, dokumen / perjanjian perlu dikemukakan melalui Stamp Assessment And Payment System (STAMPS) untuk proses penyetakan.</p>